

Set 2

Logo sekolah

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

2 JAM

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua bahagian** : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.*
4. **Kertas jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak

BAHAGIAN A
[30 markah]

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan kesenian rakyat Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **seni budaya rakyat Malaysia**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Kesenian Rakyat Malaysia : Tarik Kehadiran Pelancong Asing



PUTRAJAYA, 31 Ogos 2023 : Kepelbagaiannya kebudayaan dan kesenian unik rakyat Malaysia telah membangkitkan perasaan kagum dalam kalangan pelancong asing yang hadir menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan 2023 berlangsung di Dataran Putrajaya. Nathan Van , 19 dari Belanda berkata, beliau berasa teruja untuk menyaksikan sendiri seni tari rakyat Malaysia seperti zapin, ngajat dan gamelan.

Sumber : Bernama.com



Tarian Singa

*"ADAT DIJUNJUNG
BUDAYA
DISANJUNG"*

"Kebudayaan dan kesenian dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa."



Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan

1.

Mata pelajaran Sejarah sering dikatakan susah oleh sebilangan murid kini. Dengan mempelajari sejarah, kita dapat mengenal asal usul kemunculan tulisan, bandar dan sistem pemerintahan. Selain itu, mempelajari sejarah dapat menimbulkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat serta mengekalkan perpaduan kaum antara satu sama lain.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
'<https://bijaktekun.blogspot.com>'

Berdasarkan petikan di atas, mempelajari mata pelajaran Sejarah memberikan pelbagai faedah kepada masyarakat.

Bincangkan pernyataan di atas.

2.

Sektor pertanian di Malaysia berfungsi sebagai pembekal sumber makanan kepada penduduk negara. Namun, terdapat segelintir masyarakat masih tidak peduli dengan sektor pertanian, sedangkan sektor ini mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Antara langkah untuk mengubah persepsi berkaitan adalah dengan pemerkasaan program pendidikan melalui program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) pertanian bagi pembentukan budaya pertanian dalam kalangan masyarakat.

Sumber : ipsas.upm.edu.my/artikel/meremajakan_sektor_pertanian_negara

Petikan di atas menyatakan langkah menggalakkan pertanian dalam kalangan masyarakat.

Bincangkan langkah tersebut berserta langkah-langkah lain.

3.

Sebanyak 19, 224 kes penipuan dalam talian dicatatkan bagi tempoh Januari hingga September 2023. Jenayah penipuan dalam talian bukan sahaja menyebabkan negara mengalami kerugian jutaan ringgit tetapi turut memberi kesan emosi kepada mangsa yang membawa kepada penyakit kemurungan dan menurunkan kualiti kehidupan, produktiviti serta sosial mangsa.

Sumber : *bharian.com.my*

Sebagai respons terhadap petikan di atas, penipuan kes dalam talian yang membabitkan masyarakat di Malaysia perlu diberi perhatian serius.

Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku.

4

Ketika masih di bangku sekolah, ibu bapa ialah individu yang sering menguruskan dan memberi wang belanja pada setiap hari. Oleh itu, anak-anak perlu menggunakan wang secara bijak. Antara perancangan menguruskan wang adalah dengan membuat simpanan lebihan wang. Selain itu, anak-anak perlu membuat perancangan yang rapi dan berjimat cermat dalam perbelanjaan sehari-hari.

Sumber: *www.bharian.com.my* 27 Oktober 2020

Berdasarkan petikan akhbar di atas, bincangkan cara-cara menguruskan kewangan bagi murid sekolah.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT